

MUHAMMAD NOR AMAN JAMALUDDIN



**S**ekretariat Mahasiswa-mahasiswa Fakultas Ekonomi dan Muamalat (Sekfem), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) seperti kebanyakan persatuan lain di universiti, yang dilahirkan dengan fokus dan hala tuju untuk membentuk aktiviti bermanfaat kepada ahli.

Buat julung kalinya, persatuan ini menganjurkan lawatan akademik ke Universitas Darussalam (Unida) Gontor Ponorogo, Indonesia bagi mendapat pendedahan antarabangsa. Ia juga sebagai meluaskan pengalaman kepada ahli bagi mendapat perspektif global di samping memperkenalkan Usim khususnya dan Fakultas Ekonomi dan Muamalat (FEM) secara amnya sebagai universiti di Malaysia yang menawarkan program akademik bersesuaian dengan pasaran semasa, berteraskan pendidikan Islam dan syariah. Lawatan bermula 2 hingga 8 September lalu.

Program ini disertai 16 penuntut bersama penyelar program, yang juga Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi) Fakultas Ekonomi dan Muamalat Dr Nursilah Ahmad. ketua delegasi, Muhammad Nor Aman Jamaluddin.

Hari pertama aktiviti diteruskan dengan slot Diskusi Antara Benua: Wang Kertas Puncu Kegawatan Ekonomi Dunia. Diskusi itu membuka minda dan pandangan setiap siswa-siswi yang terlibat. Malahan, ia menjadi medan mahasiswa dari Usim dan Unida berkongsi ilmu dan buah fikiran.

Kemudian, peserta dan urusetia mencuba permainan tradisional tempatan. Orientasi Pekan Perkenalan diadakan sebelah malam. Sesi ini bertujuan memberi pendedahan kepada kami tentang fungsi beberapa organisasi pimpinan mahasiswa di Unida, antaranya Tim Kumulatif, Dewan Mahasiswa dan Senat Mahasiswa Fakultas.

**BERTUKAR IDEA**

Kami di pihak Sekrefem juga sempat memperkenalkan serba sedikit mengenai Fakultas Ekonomi dan Muamalat, dan Sekfem. Daripada sesi ini, banyak informasi menarik dapat dikongsi, terutama dalam membangun mahasiswa yang abrar.

Sebelah petangnya pula, kami dibawa oleh urusetia berbasikal melewati sawah bendang untuk menyertai mahasiswa Unida mengajar anak-anak penduduk kampung surau kecil. Kami difahamkan, mahasiswa



# Memantapkan aspek kerohanian

Sekfem anjur lawatan akademik selami kisah masyarakat

pendidik ini mencurah ilmu kepada anak-anak kampung tanpa mengenakan bayaran. Ini termasuk dalam tarbiyah Gontor dalam membangun jiwa pelajar yang ikhlas mewakafkan jiwa untuk ummah.

Hari keempat, kami ke *Center For Islamic And Occidental Studies (CIOS)* mengikuti Seminar Antarabangsa Wakaf dan Zakat. Seminar ini dikendalikan

sepenuhnya mahasiswa Universiti Darussalam. Timbalan Dekan, Dr Nursilah Ahmad diberi kesempatan menjadi panel.

Hari kelima, kami diberikan sedikit taklimat mengenai *Industrial Visit*. Lawatan pertama ke Darussalam Press (kilang percetakan). Kilang ini dibina sekitar 55 tahun lalu bertujuan mencetak dan menerbitkan buku-buku pelajaran untuk para pelajar di Gontor.

projek-projeknya. Oleh itu, segala barang pertukangan seperti paku, tukul, kayu, atap dan sebagainya boleh didapati di sini.

Pada era 50-an, Gontor atau nama aslinya iaitu Gon Kotor adalah penempatan masyarakat yang tidak patuh syariah, dikelilingi perkara haram seperti arak, judi dan zina selain kurang penduduk yang mengamalkan kehidupan Islam. Salah seorang trimurti Gontor, Kiai Haji Ahmad Sahal telah merencana untuk mendirikan sebuah pesantren di Gontor.

Isnin, 8 September 2014 adalah hari terakhir kami di sini. Tidak puas mengenali Gontor, kami terpaksa mengucapkan selamat tinggal kepada mereka. Sungguh singkat masa yang ada untuk mengenali Gontor. Tapi dengan masa yang terhad ini, kami berpeluang membina ukhuwah dengan pelajar dari luar negara sehingga sukar untuk mengungkapkan perpisahan. Kami tiba di KLIA 2 kira-kira jam 9 malam.

**TERUJA LAWAT PONDOK MODEN**

Kami juga dibawa ke Kilang Prosesan Air La Tansa dan melawat Kantor Perusahaan Baju La Tansa.

Kemudian, menaiki bas dan menuju ke Balai Kesihatan Ibu dan Anak (klinik) yang terletak kira-kira dua kilometer dari Gontor 1. Klinik ini memberi perkhidmatan percuma kepada semua pelajar dan bayaran yang berpatutan kepada orang awam.

Lawatan akademik diteruskan ke Koperasi Usaha Kesejahteraan Besi (kedai barangan pertukangan). Kedai ini telah didirikan kerana melihat kepada keperluan Pondok Modern Darussalam Gontor yang tidak pernah berhenti dalam pembangunan



Aktiviti kumpulan yang menuntut kerjasama dan setia kawan.



Lawatan ke Pondok Moden Darussalam Gontor.